



JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR
Bahagian Kesihatan Awam
Jalan Persiaran Permai
81200 Johor Bahru
JOHOR DARUL TA'ZIM

TEL : 07-2356136 / 2269 / 2362279
Portal Rasmi : <http://jknjohor.moh.gov.my>

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan :
Ruj.Kami : JKNJ(K) 30(4)/187(16)
Tarikh : 18 Mac 2024

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Muar / Batu Pahat / Kluang / Segamat / Pontian /
Kota Tinggi / Mersing / Tangkak / Kulai

Tuan,

RUJUKAN KLIEN YANG LAYAK BAGI PENGAMBILAN PRE EXPOSURE PROPHYLAXIS (PrEP) KE FASILITI YANG MENJALANKAN PROGRAM PREPGOV DI NEGERI JOHOR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, program PrepGov telah dijalankan di 18 klinik kesihatan yang terpilih di seluruh Malaysia sejak 1 Januari 2023. Bagi negeri Johor, sebanyak 2 fasiliti telah menjalankan PrepGov pada peringkat awal iaitu Klinik Kesihatan Mahmoodiah dan Klinik Kesihatan Batu Pahat. Sehingga 31 Disember 2023, seramai **313 Klien** aktif mengambil PrEP bagi tujuan pengurangan risiko menghidapi penyakit HIV. Bagi tujuan penambahbaikan program, bermula dari 27 Mac 2024, Klinik Bandar IOI, Segamat akan menjadi Klinik Satellite PrEP kepada Klinik Kesihatan Batu Pahat.

3. Dalam usaha Unit HIV/STI/Hepatitis C Negeri Johor untuk meningkatkan keberkesanan program dalam membendung penularan penyakit HIV, semua fasiliti di negeri Johor adalah digalakkan untuk **merujuk mana-mana pesakit yang berisiko tinggi dan layak** untuk mengambil PrEP ke fasiliti-fasiliti di atas. Kriteria individu yang disyorkan untuk pengambilan PrEP dan carta alir rujukan adalah seperti di Lampiran A dan B.

4. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Dr. Muhammad Naqib Bin Mohamed, Pegawai Perubatan Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 012-6367377. Kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SITI KHATIJAH BINTI ABDUL RAHIM) MMC:36955

(Pakar Perubatan Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Samb.Tel : 3302

Email : drsitikhatijah@moh.gov.my

Dr Faridah Ation/PrEP



KRITERIA INDIVIDU YANG DISYORKAN UNTUK MENGAMBIL PREP

18.1 Persons Recommended for PrEP⁴

18.1.1 PrEP should be considered in HIV-negative individuals who are:

1. MSM and are sexually active within the last 6 months, with any of the following:
 - a partner who is HIV positive (see 18.1.2).
 - inconsistent use of condoms (for either insertive or receptive anal sex).
 - an STI (syphilis, gonorrhoea or chlamydia) in the last 6 months.
 - individuals requesting PrEP.
2. Heterosexual (men or women) and are sexually active within the last 6 months, with any of the following:
 - a partner who is HIV positive (see 18.1.2).
 - inconsistent use of condoms with partners of **unknown status from high risk groups** (MSM, IDU, Sexual Worker, Transgender)
 - an STI (syphilis, gonorrhoea or chlamydia) in the last 6 months.
3. People who inject drugs (PWID) with any of the following:
 - the use of shared drug injecting equipment.
 - at risk of HIV acquisition from sex.
4. Transgender (men or women) and are sexually active within the last 6 months, with any of the following:
 - a partner who is HIV positive (see 18.1.2).
 - inconsistent use of condoms with partners of unknown status (for either insertive or receptive anal sex).
 - an STI (syphilis, gonorrhoea or chlamydia) in the last 6 months.
5. Consider PrEP in any person engaged in transactional sex and any person practicing chemsex* that is unprotected.

*Chemsex is sexual activity while under the influence of stimulant drugs such as methamphetamine or mephedrone.

*Sumber: Malaysian Consensus Guidelines on Antiretroviral Therapy 2022

Carta Alir Rujukan Klien ke Klinik Yang Menjalankan Program PrepGov

